

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI
KAWASAN : KLUANG
TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN WONG SHU QI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan akan membina laluan pejalan kaki di Tambak Johor dan Bangunan Sultan Iskandar dan bila akan melaksanakan projek tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Persekutuan melalui Jawatankuasa *Technical Working Group* (TWG) Bagi Menangani Kesesakan Di Tambak Johor yang diurussetiakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang dalam tindakan meneliti cadangan ini. Cadangan konsep daripada Kerajaan Negeri Johor melalui Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan Johor telah dibentangkan ke Kementerian ini antara lain mencadangkan pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di Tambak Johor sebagai salah satu usaha penambahbaikan di dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

Pada masa ini, cadangan tersebut akan diperhalusi dan terdapat keperluan untuk diadakan bengkel *Value Assesment* (VA) yang dianggotai oleh agensi pelaksana serta agensi teknikal berkaitan untuk dimuktamadkan sebelum kebolehlaksanaan projek ini diputuskan oleh Kerajaan. Perincian mekanisma pelaksanaan serta perincian projek ini juga akan diteliti di dalam bengkel VA tersebut.

Sekian, terima kasih.